

B B912 AAB
MAHATHIR - BANTAH

KUALA LUMPUR, 25 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK BERHAK MEMBANTAH LAWATAN MANA-MANA PEMIMPIN NEGARA LUAR KE SESEBUAH NEGARA YANG LAIN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI MENGULAS LAPORAN AKHBAR YANG MENYATAKAN KERAJAAN SINGAPURA MENGUNDANG PRESIDEN ISRAEL CHAIM HERZOG KE REPUBLIK ITU BULAN DEPAN YANG MENDAPAT TERTANGAN HEBAT DARIPADA PERGERAKAN PEMUDA UMNO KEDAH DAN ABIM.

KERAJAAN MALAYSIA TIDAK BOLEH MEMBANTAHNYA KERANA PERKARA ITU BERLAKU DI NEGARA LAIN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE 41 BANGSA-BANGSA BERSATU DI ANGKASAPURI DI SINI.

NAIB-KETUA UMNO KEDAH ENCIK YUSOFF ABDUL RAHMAN, SEMALAM MEMINTA SINGAPURA MENIMBANG SEMULA KEPUTUSAN LAWATAN PEMIMPIN ISRAEL ITU KERANA IA MUNGKIN MENYINGGUNG PERASAAN JIRAN-JIRAN ANGGOTA ASEAN YANG MENENTANG DASAR-DASAR ISRAEL.

SEMENTARA PRESIDEN ABIM PULA BERKATA LAWATAN ITU PERLU DIPANDANG BERAT MEMANDANGKAN PERBUATAN KEJAM REGIM ISRAEL TERHADAP PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN DAN UMAT ISLAM SELURUHNYA. -- BERNAMA.

1637MST 25 10 86